

**NO SOALAN : 54**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR  
BIN HAJI NASARAH  
(LENGGONG)**

**TARIKH : 09.04.2014  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan tahap keselamatan perairan Malaysia terutama di kawasan strategik :-**

- (a) perkembangan terkini kawalan keselamatan di perairan Sabah; dan**
  
- (b) tahap pemodenan Angkatan Tentera Malaysia berbanding negara jiran.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Perairan di Sabah adalah berada di dalam keadaan yang terkawal. Kawalan keselamatan di Pantai Timur Sabah dilaksanakan secara bersepadu dengan agensi-agensi kerajaan yang lain. Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Pengawatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) berada dalam keadaan siapsiaga dan sentiasa mengawasi Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSZONE) bagi menghalang penceroboh daripada menggugat kedaulatan negara.**

**Kementerian Pertahanan sentiasa memberi perhatian tinggi dalam memodenkan ATM bagi mengukuhkan lagi keupayaan pertahanan negara. Pemodenan ATM juga dilaksanakan seiring dengan kemajuan teknologi dan jenis ancaman yang dihadapi. Bagaimanapun, penambahan dan penggantian aset ini akan dilakukan secara berperingkat mengikut keupayaan kewangan negara.**